

Dr. Mahathir tak mahu bandar lain iri hati dengan Kuala Lumpur

KUALA LUMPUR 27 April - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad tidak mahu bandar-bandar di negara ini iri hati melihat penduduk Kuala Lumpur mendapat berbagai kemudahan.

Kata Perdana Menteri, walaupun Kuala Lumpur diberi layanan istimewa, ini bukan untuk bandaraya tersebut sahaja, tetapi sebagai ibu negara keistimewaan tersebut adalah untuk semua rakyat.

Sebagai ibu kota, tegas Perdana Menteri, rakyat Malaysia harus berbangga dengan kecantikan dan kebersihan Kuala Lumpur.

Berucap merasmikan pelancaran Yayasan Wilayah Persekutuan, di sini malam tadi beliau menambah, setiap penduduk Kuala Lumpur harus ber-

tanggungjawab untuk menentukan bandaraya ini kekal dengan kecantikan dan kebersihannya.

Kata Perdana Menteri, ini memerlukan perasaan sayang penduduk ibukota terhadap Kuala Lumpur dan apabila perasaan itu ada, secara tidak langsung, kebersihan dan keindahan akan terpelihara.

"Saya percaya bahawa semua penduduk di sini mempunyai perasaan sayang kepada bandaraya ini dan akan terus mengekalkan kebersihan dan keindahan Kuala Lumpur," kata beliau.

Sebab itu, tambahnya, walaupun terdapat undang-undang untuk menjaga kebersihan, tetapi sebenarnya ia tidak perlu digunakan kerana ramai daripada penduduk bandaraya ini

mempunyai kesedaran untuk menjaga kebersihannya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, apabila keadaan sekitar bersih dan indah, maka timbullah perasaan tidak mahu mencemarkan kebersihan ini dan dengan ini tanggungjawab pihak Majlis Perbandaran akan berkurangan.

Beliau menambah, dengan ini juga, Majlis Perbandaran akan dapat menyelamatkan lebih banyak peruntukan untuk dibelanjakan kepada lain-lain kemudahan yang juga diperlukan oleh bandaraya ini.

Menyentuh tentang peranan pihak penjaja dan peniaga kecil, beliau menjelaskan golongan ini sebenarnya menjadi daya penarik bagi pelancong - pe-

lancong ke Kuala Lumpur.

Beliau bangga dengan kerjasama yang diberi oleh penjaja dan peniaga kecil dalam usaha untuk mempertingkatkan keadaan kebersihan dan kecantikan di gerai mereka.

Selepas perasmian yayasan tersebut, Perdana Menteri telah menerima sumbangan daripada wakil penjaja dan peniaga kecil di sekitar Kuala Lumpur.

Beliau dan isterinya, Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali turut melawat beberapa buah gerai yang terdapat di situ.